

Pilih perkataan berlawanan erti dengan perkataan bergaris dalam ayat-ayat di bawah ini.

1. Selepas Tan berpindah tempat duduk, penglihatannya menjadi jelas.

- A kabur
- B pudar
- C terang
- D senang

2. Kevin sering datang ke rumah saya,, kata Muniandy.

- A jarang-jarang
- B kadangkala
- C selalu
- D kerap

3. Persembahan budak itu mendapat pujian daripada orang ramai.

- A sokongan
- B galakan
- C sindiran
- D cacian

4. Orang yang berbaju merah itu gila.

- A baik
- B waras
- C berguna
- D sempurna

5. Barang-barang itu telah diambil oleh tuannya semalam.

- A diserahkan
- B dirampas
- C dipinjam
- D diterima

6. Nada suara ayah tegang sahaja ketika memarahi abang.

- A longgar
- B lembut
- C kendur
- D ringan

7. Persahabatan mereka memang rapat semenjak kecil .

- A renggang
- B lama
- C jauh
- D baik

8. Vellu meluahkan makanan yang sudah basi.

- A menghabiskan
- B mengunyah
- C menyimpan
- D menelan

9. Cuaca malam ini panas.

- A hangat
- B sejuk
- C suam
- D merah

10. Ceramah yang disampaikan nya agak hambar.

- A elok
- B lucu
- C tepat
- D menarik

11. Aqila tidak suka menonton filem jenaka.

- A sedih
- B lasak
- C ganas
- D rencana

12. Kerja-kerja menurap jalan itu terpaksa ditangguhkan atas arahan pihak berkuasa.

- A diabaikan
- B diteruskan
- C ditundakan
- D diselesaikan